

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 October 2015

Liong Sik belum jawab tuntutan Najib *um - 10/10/2015*

KUALA LUMPUR 9 Okt. - Bekas Presiden MCA Tun Dr. Ling Liong Sik masih belum menjawab secara rasmi tuntutan Datuk Seri Najib Tun Razak supaya memohon maaf dan menarik balik kenyataan fitnah terhadap perdana menteri.

Peguam Datuk Hafarizam Harun yang mewakili Najib berkata, Liong Sik masih mempunyai masa untuk

berbuat demikian sehingga Isnin ini kerana tempoh yang diberi adalah tujuh hari.

Katanya, Liong Sik berkemungkinan telah berunding dengan peguam dan pihaknya hanya akan melakukan tindakan seterusnya selepas tempoh tersebut.

“Kita tunggu sehingga tujuh hari. Kita tunggu hitam putih (se-

cara rasmi). Kita hantar secara rasmi, kita tunggu jawapan rasmi. Saya yakin beliau akan balas,” katanya ketika ditemui di Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini hari ini.

Najib memfailkan tindakan tersebut atas kapasiti peribadi dan surat tuntutan itu diserahkan di rumah Ling di Bukit Damansara.